

**KUALA LUMPUR 9**  
Jun — Sikap setengah orang Melayu sendiri ialah yang membawa kepada kemunduran mereka BUKAN-NYA sistem feodalisma, kata Dr. Mahathir Mohamad malam tadi.

'Kalau kita bandingkan ada negara-negara yang menyokong sistem feodalisma lebih maju,' kata beliau dalam forum berjudi feodalisma dan kemunduran orang-orang Melayu di Universiti Malaya, malam tadi.

Umpamanya, Jepun yang lebih feudal daripada kita dan taat setia mereka kepada ketua lebih daripada orang Melayu, tetapi mereka telah mencapai kejayaan yang tinggi,' katanya lagi.

Di Negeri Cina suatu masa dulu, menurut beliau, sekiranya terdapat rakyat yang mencabuli undang-undang itu akan dipancung.

Oleh Dr. Mahathir, ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO Malaysia itu menekankan bahawa, 'ka'au kita hanya menyalahkan sistem mungkin kita tidak dapat mencapai sesuatu.'

'Memang tidak boleh dinafikan bahawa sekarang ini banyak peluang-peorang Melayu di dalam negara yang berfahaman feudal ini dari masa-masa yang lalu,' katanya.

'Saudara-saudara juga mesti belajar bersungguh-sungguh untuk tamat peperiksaan,' kata beliau kepada mahasiswa yang penuh sesak di dewan kuliah yang mendengar forum ini.

Dr. Ghazali Abd. Rahman, seorang pensyarah Universiti Kebangsaan tidak bersetuju untuk menyalahkan sistem feodalisma menyebabkan kemunduran orang Melayu.

Selagi orang kita tidak sanggup berkorban untuk mencapai sesuatu maka selama itulah mereka tidak mendapat kejayaan yang dildam-idamkan itu,' katanya.

Umpamanya, beliau sendiri pergi belajar selama sepuluh tahun di United Kingdom tanpa mendapat sebarang bantuan pun daripada pihak kerajaan.

Perbelanjaan beliau untuk melanjutkan pelajaran ke seberang laut di tanggung oleh ayahnya yang mempunyai keluarga yang

besar.

Encik Hassan Ibrahim, Setiausaha Pilihanraya juga berpendapat bahawa sistem itu tidak boleh disalahkan.

Menurut beliau masyarakat di Malaysia ini kebanyakannya mundur dan mereka itu tidak tahu akan haknya.

Pihak pemerintah, menurutnya lagi ada membuat dasar yang elok tetapi ejen atau wakil-wakil yang melaksanakannya yang 'main karut.'

Selain dari itu sikap rakyat sendiri terlalu feudal memberi kelonggaran kepada golongan manusia yang mempunyai keturunan yang baik.

Islam menyatakan tidak ada beza antara seorang manusia dengan yang lain,' katanya.